

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang berpengalaman, berkelayakan, berdaftar dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan berikut:-

TENDER BIL. 1/2026		
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) UNTUK BANGUNAN YAYASAN MELAKA BAGI TEMPOH 24 BULAN (1 APRIL 2026 HINGGA 31 MAC 2028) DI LOKASI BERIKUT:		
1. WISMA YAYASAN MELAKA, JALAN HANG TUAH; 2. KEDIAMAN PELAJAR YAYASAN MELAKA, JALAN TUN ALI; 3. RUMAH PANGSA TAMAN BERTAM PERDANA, PULAU GADONG; dan, 4. BANGUNAN BIOTEKNOLOGI, MITC.		
SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	TARIKH/ MASA/ LOKASI	
	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	EDARAN & JUALAN DOKUMEN
Syarikat WAJIB berdaftar dan masih sah laku tempohnya serta melampirkan salinan berikut: 1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), <u>Kod bidang/pengkhususan (220801)</u> Perkhidmatan Kawalan Keselamatan; 2. Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN); 3. Sijil Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM); dan, 4. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dengan status 'PATUH'. KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN	<u>Tarikh</u> 24 FEBRUARI 2026 (SELASA) <u>Waktu</u> 10.30 pagi <u>Lokasi</u> Dewan Konvensyen Yayasan Melaka, Aras 2, Blok B, Wisma Yayasan Melaka, 75300 Melaka	<u>Harga</u> RM100.00 <u>Tarikh</u> 25 FEBRUARI 2026 (RABU) hingga 17 MAC 2026 (SELASA)
TARIKH TUTUP TENDER 18 MAC 2026 (RABU) SEBELUM/ PADA JAM 12.00 TENGAHARI (sebarang kelewatan tidak akan dilayan) Peti Tawaran, Lobi Wisma Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, Melaka.		

1. Hanya penama di dalam sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) boleh menghadiri lawatan tapak, sesi taklimat, pembelian dan menandatangani dokumen. Pihak syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai** lain bagi urusan tersebut.
2. Semasa lawatan tapak, pihak syarikat diminta untuk membawa cop syarikat, salinan sijil-sijil berkaitan sepertimana jadual di atas.
3. Dokumen Tender serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my/>. Syarikat perlu membuat dan melengkapkan **pendaftaran akaun serta langganan di STOM** dan membuat **pembelian dokumen secara dalam talian**. Keseluruhan dokumen tersebut hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi dengan lengkap. Petender dianggap **BATAL** dan **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya petender membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.
4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan di dalam satu sampul surat berlakri dan ditulis disebelah atas sampul **Tajuk Kerja dan No. Tender**. Dokumen tersebut hendaklah diserahkan secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam peti tawaran Yayasan Melaka sepertimana dinyatakan di dalam jadual di atas.
5. Sebarang pertanyaan mengenai tender, sila hubungi Unit Ukur Bahan di talian 06-2311822.
6. Yayasan Melaka tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.